



Ruj. Kami: JANM.BKP.600-13/2/1 jld.7 (34)

Tarikh: 10 Ogos 2022

SEPERTI SENARAI EDARAN

YB Dato'/ YH. Dato'/ YBhg. Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan,

PENGGUNAAN *PUBLIC KEY INFRASTRUCTURE* (PKI) BAGI SISTEM PERAKAUNAN AKRUAN KERAJAAN NEGERI (iSPEKS)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat Jabatan ini ANM/SPP/P/3/7/1/(45) bertarikh 29 November 2019 adalah berkaitan.

2. Seperti YB Dato'/ YH. Dato'/ YBhg. Datin/ YBrs. Dr./ tuan/ puan sedia maklum, iSPEKS diklasifikasikan sebagai sistem berimpak tinggi yang memerlukan penggunaan PKI berdasarkan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 3 Tahun 2015. Justeru itu, sistem ini telah dibangunkan dengan penggunaan PKI sebagai kawalan keselamatan dan tandatangan digital bagi dokumen kewangan. Penggunaan PKI yang terdapat dalam iSPEKS adalah di peringkat penyemak dan pelulus. Pada masa ini, keputusan penggunaan PKI dalam iSPEKS adalah tertakluk kepada ketersediaan token PKI di peringkat Kerajaan Negeri masing-masing.

3. Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu *Standard Accounting System for Government Agencies* (SAGA) (Sesi iSPEKS) Bil. 2/2022 pada 21 Julai 2022 juga telah memutuskan agar semua Kerajaan Negeri perlu mengguna pakai PKI dalam iSPEKS bermula tahun 2023. Keputusan ini dibuat selaras pematuhan kepada Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 7 Tahun 2018. Sehubungan itu, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini di pihak Kerajaan Negeri kerana tidak mengguna pakai PKI tersebut sebagaimana peraturan yang telah digariskan dalam SPANM berkenaan.

4. Justeru itu, YB Dato'/ YH. Dato'/ YBhg. Datin/ YBrs. Dr./ tuan/ puan adalah dimohon untuk mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan penggunaan PKI dapat dilaksanakan di Kerajaan Negeri masing-masing bermula tahun 2023.

Kerjasama dan perhatian pihak YB Dato'/ YH. Dato'/ YBhg. Datin/ YBrs. Dr./ tuan/ puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.


Sekian.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"

Saya yang menjalankan amanah,



(ANISHAH BIN TI ABD WAHID C.A.(M), ACMA, CGMA)

Timbalan Pengarah

Bahagian Khidmat Perunding

b.p Akauntan Negara Malaysia

s.k Timbalan Akauntan Negara (Korporat)

SENARAI EDARAN

1. **Pegawai Kewangan Negeri**
Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu,
Wisma Darul Iman,
20592 Kuala Terengganu,
TERENGGANU

2. **Pegawai Kewangan Negeri**
Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah,
Aras 3, Blok E, Wisma Darul Aman,
05503 Alor Setar,
KEDAH

3. **Pegawai Kewangan Negeri**
Pejabat Kewangan Negeri Perak,
Aras G, Bangunan Perak Darul Ridzuan,
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,
30000 Ipoh,
PERAK

4. **Pegawai Kewangan Negeri**
Pejabat Kewangan Negeri Selangor,
Perbendaharaan Negeri Selangor,
Tingkat 12, Bangunan Sultan Abdul Aziz Shah,
40592 Shah Alam,
SELANGOR

5. **Pegawai Kewangan Negeri**
Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri,
Tingkat 5, Blok D, Wisma Negeri,
70503 Seremban,
NEGERI SEMBILAN

6. **Pegawai Kewangan Negeri**
Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka,
Aras 2,3 & 4, Blok Bentara,
Kompleks Seri Negeri,
75450 Ayer Keroh,
MELAKA

7. **Pegawai Kewangan Negeri**
Pejabat Kewangan Negeri,
Perbendaharaan Negeri Johor,
Aras 2, Bangunan Dato' Jaafar Muhammad,
Kota Iskandar,
79592 Nusajaya,
JOHOR
8. **Pegawai Kewangan Negeri**
Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang,
Tingkat 3,5 & 6, Blok B, Wisma Sri Pahang,
25592 Kuantan,
PAHANG
9. **Pegawai Kewangan Negeri**
Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan,
Blok 4, Kota Darulnaim,
15503 Kota Bharu,
KELANTAN
10. **Pegawai Kewangan Negeri**
Pejabat Kewangan Negeri,
Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang,
Paras 23, Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR),
10990 PULAU PINANG
11. **Pegawai Kewangan Negeri**
Pejabat Perbendaharaan Negeri Perlis,
Tingkat Bawah, Bangunan Jam Besar,
Kompleks Ibu Pejabat Kerajaan Negeri,
01000 Kangar,
PERLIS